

## KUPASAN MENGENAI PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA SALAH SEORANG PASANGAN MEMELUK ISLAM OLEH AL-QARAḌĀWĪ DALAM *FATĀWĀ MU’ĀŠIRAH*

Basri Ibrahim\*

### ABSTRACT

*The issue of marriage annulment because one of the spouse embraces Islam is among the new issues that draw Muslims' attention in Malaysia lately. The opinion usually in use is the opinion of al-Shāfi‘ī sect which is normally known by the Muslims in Malaysia country, determining that a marriage is cancelled immediately if the couple had not performed any intercourse and cancelled after iddah, if the couple had performed intercourse. In al-Qaraḍāwī's analysis regarding the above issue, he referred to the debates made by Ibn Qayyīm in Aḥkām Ahl al-Dhimmah, because that discussion, as seen by al-Qaraḍāwī, is stronger and the opinions selected by him are firmer and makes it easier for the women who just embraced Islam. In al-Qaraḍāwī's analysis in this issue it is found that the opinions of the scholars of al-Shāfi‘ī's sect and other scholars in the same genre are not accurate, because of the absence of strong dalil to be refer to, on the contrary he is more prone towards the opinions of Ibn Qayyīm and two other early scholar figures, namely Sayyiduna Ali k.r.m as well as the opinions of al-Zuhrī. These three opinions connect a court's roles in splitting the couple when the case is brought forward and as*

---

\* Senior Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies. Darul Iman University of Malaysia, Terengganu, basri@udm.edu.my.

*long as the court does not play its role, then the couple is still related as a husband and wife even though it takes a long time because of waiting for a spouse to embrace Islam.*

**Keywords:** marriage annulment, iddah, ahl dhimmah, shariah court, *ṭalāq*

## PENDAHULUAN

Isu pembubaran perkahwinan apabila salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam, menarik perhatian umat Islam di negara kita. Berbagai-bagai pihak membuat ulasan berkaitan dengannya, baik oleh pakar undang-undang mahupun para ulama. Ulasan tersebut mendapat reaksi yang berbagai-bagai dari kalangan umat Islam. Bagi ulama Islam isu ini tidak wajar lagi menjadi isu yang diperdebatkan di media massa, kerana ia sudahpun jelas, terutama sekali telahpun dibahaskan dalam kitab-kitab *fiqh* mazhab al-Shāfi‘ī. Tinggal lagi diperingkat pelaksanaannya sahaja. Oleh kerana isu ini isu besar, ramai ulama masa kini yang mengulasnya, antara mereka ialah al-Qaraḍāwī, seorang tokoh cendekiawan Islam yang tidak asing lagi kepada dunia Islam masa kini dan merupakan ketua persatuan ulama sedunia, dalam karyanya *Fatāwā Mu‘āṣirah* jilid yang ketiga. Ulasan al-Qaraḍāwī dipilih memandangkan beliau merupakan antara tokoh ulama semasa yang beraliran sederhana, yang membahaskan banyak isu yang berlaku dalam masyarakat Islam di peringkat antarabangsa. Dalam huraiannya beliau bukan sahaja berdasarkan kepada kekuatan nas, bahkan juga meraikan maslahah dan *maqāṣid shārī‘ah*, mengutamakan maslahah ummah dan meraikan aspek yang memudahkan mereka menjalani kehidupan harian selagi tidak menimbulkan dosa dan maksiat kepada Allah S.W.T. Walau bagaimanapun prosedur pembubaran pekahwinan yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan isu yang berlaku di negara kita tidak akan disentuh.

Soalannya, apakah pandangan al-Qaraḍāwī tentang pembubaran perkahwinan kerana salah seorang pasangan memeluk Islam dan pendekatan yang diambil beliau dalam menghadapi isu tersebut?

Objektif artikel ini ialah menjelaskan pandangan al-Qaraḍāwī berhubung dengan pembubaran perkahwinan kerana salah seorang pasangan memeluk Islam dan pendapat yang dipilih oleh beliau dan sebab-sebab pemilihan pendapat tersebut. Pendapat al-Qaraḍāwī ini boleh menjadi rujukan kepada pihak berkuasa agama di negara kita, bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku, yang berkaitan dengannya, kerana kupasan yang dibuat oleh beliau tidak terikat dengan sesuatu mazhab, sebaliknya bergantung kepada kekuatan dalil dan maslahah ummah.

## PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Pembubaran dalam bahasa Arab diambil dari kata kerja *farrqa* yang diadun menjadi kata terbitan *tafrīq* yang bermaksud memisahkan<sup>1</sup>. Apabila disebut *farrqa bayna al-zawjān* membawa maksud memisahkan pasangan suami isteri. Dari segi istilah *faraq* yang digunakan di dalam kitab-kitab *fiqh* membawa maksud pemisahan atau pembubaran perkahwinan samada melalui talak atau selainnya. Namun dalam sistem perundangan Islam di Malaysia, *faraq* digunakan bagi merujuk kepada sesuatu pembubaran perkahwinan bukan melalui talak.<sup>2</sup>

### Kedudukan Isteri Atau Suami Yang Memeluk Islam Dari Segi Pembubaran Perkahwinan

Apabila pasangan suami isteri sama-sama memeluk Islam, perkahwinan mereka kekal sebagaimana asal sebelum Islam dan tidak timbul sebarang isu berkaitan dengan pembubaran perkahwinan. Isu pembubaran perkahwinan timbul apabila isteri sahaja yang memeluk Islam, tetapi suami tidak berbuat demikian atau suami sahaja memeluk Islam tetapi isteri tidak berbuat demikian, sama ada pembubaran perkahwinan mereka berlaku pada masa memeluk Islam itu juga atau selepas habis iddah isteri. Jika isteri memeluk Islam sebelum habis iddah, perkahwinan mereka kekal sebagaimana asal.<sup>3</sup> Ulama tidak sependapat dari segi bila berlaku pembubaran perkahwinan kepada pasangan suami isteri, apabila salah seorang daripadanya memeluk Islam. Pendapat yang biasa kita dengar secara tradisi zaman berzaman di negara kita ialah pendapat ulama mazhab al-Shāfi‘ī dan yang sealiran dengannya. Bagi ulama mazhab al-Shāfi‘ī<sup>4</sup>, Hanbali<sup>5</sup> dan juga golongan Syī‘ah Ja‘afariyyah<sup>6</sup>, jika pihak yang

<sup>1</sup> Abu Jayb, Sa‘di (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan Wa Iṣṭilāḥan*, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 284.

<sup>2</sup> Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985. Sek. 49 (1).

<sup>3</sup> Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1993), *al-Mufaṣal Fī Aḥkām al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muślim*, j. 9. Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, h. 93.

<sup>4</sup> Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs (t.t), *al-Umm*, j. 5. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 44; al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 3. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 191; al-Nawawī, Abu Zakariyā bin Sharaf (t.t) *Majmū‘ Sharah al-Muhadhdhab*, j. 16. Dār al-Fikr, hh. 314-315.

<sup>5</sup> Al-Kāsānī, ‘Ala’ al-Dīn Abu Bakar bin Mas’ud (t.t), *Kitāb Badā‘i’ al-Ṣanā‘i’ Fī Tartīb al-Sharā‘*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 337.

<sup>6</sup> Al-Jabrī, Zayn al-Dīn bin ‘Ali (t.t), *al-Rawḍah al-Bahiyyah Sharah al-Lam‘ah al-Dimashqīyyah*, j. 2, Miṣr: Maṭābi‘ Dār al-Kitāb, h. 99.

memeluk Islam berbuat demikian sebelum melakukan persetubuhan dengan pasangannya, perkahwinan mereka terbubar pada masa itu juga. Sebaliknya jika memeluk Islam itu berlaku selepas melakukan persetubuhan, perkahwinan mereka tidak terbubar serta merta, sebaliknya bergantung kepada habis iddah isteri. Jika suami memeluk Islam sebelum habis iddah isteri, perkahwinan mereka kekal sebagaimana asal, tetapi jika suami tidak memeluk Islam sehingga habis iddah, terbubarlah perkahwinan mereka pada masa itu.

### **Dalil-Dalil Berlaku Pembubaran Perkahwinan Sebelum Berlaku Persetubuhan Kerana Memeluk Islam**

Dalil-dalil tersebut ialah:

- a. Perbezaan agama menghalang keberterusan perkahwinan sesuatu pasangan. Apabila memeluk Islam berlaku sebelum berlaku persetubuhan di antara pasangan suami isteri, pembubaran perkahwinan berlaku pada masa itu juga, sebagaimana yang dinyatakan di atas, kerana pemilikan pada masa itu tidak diperkuatkan dengan persetubuhan. Sekiranya yang memeluk Islam adalah suami, dia tidak boleh hidup bersama dengan perempuan bukan Islam yang bukan dari kalangan ahli kitab, selaras dengan firman Allah S.W.T:

وَلَا تُمْسِكُو بِعَصِيمِ الْكَوَافِرِ

*“Dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang kepada akad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (kekal dalam keadaan) kafir.”*

(Surah al-Mumtahanah, 60:10)

Sebaliknya jika isteri yang memeluk Islam, tidak harus kekal dengan suami yang bukan beragama Islam.<sup>7</sup>

- b. *Talāq* yang dijatuhkan oleh seseorang suami ke atas isteri sebelum berlaku persetubuhan memutuskan ikatan perkahwinan pada masa itu juga. Berdasarkan kepada qiyas dengan *talāq* di atas, apabila salah seorang daripada pasangan suami isteri memeluk Islam sebelum berlaku persetubuhan, ia juga memutuskan ikatan perkahwinan, kerana perbezaan agama antara punca yang menyebabkan berlaku pembubaran perkahwinan.<sup>8</sup>

<sup>7</sup> Ibn Qudāmah, Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (t.t), *al-Mughnī*, j. 6. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azharīyyah, h. 614.

<sup>8</sup> Al-Kāsānī (t.t), *op.cit*, j. 2, h. 337.

## Dalil-Dalil Berlaku Pembubaran Perkahwinan Selepas Berlaku Persetubuhan

Dalil-dalil tersebut ialah:

- a. Diriwayatkan daripada Ibn Shabramah, beliau menyatakan, pada zaman Rasulullah S.A.W, suami yang memeluk Islam sebelum daripada isteri atau isteri yang memeluk Islam sebelum daripada suami, dan sebelum habis iddah, suami pula memeluk Islam, isteri terlibat terus kekal sebagai isteri kepada suaminya, tetapi jika suami memeluk Islam selepas habis iddah, perkahwinan mereka terbubar dan berhenti setakat itu sahaja.<sup>9</sup>
- b. Imam Mālik meriwayatkan daripada Ibn Shihāb, sampai berita kepada beliau (Ibn Shihāb) yang anak perempuan al-Walīd bin al-Mughīrah iaitu isteri kepada Safwan bin Umayyah memeluk Islam pada hari pembukaan kota Mekah, manakala suaminya Safwan melarikan diri tanpa memeluk Islam. Rasulullah S.A.W menghantar utusan untuk memberitahu beliau yang beliau telah diberi keamanan oleh baginda S.A.W. Setelah mendapat jaminan keamanan tersebut, Safwan pulang ke Mekah dan terlibat dalam peperangan Hunayn. Pada masa itu beliau masih belum memeluk Islam. Rasulullah S.A.W tidak memisahkan di antara beliau dengan isterinya, sehingga Safwan memeluk Islam dan berikutan Islamnya isterinya kekal sebagai isteri beliau. Ibn Shihāb menyatakan: “Jarak di antara Islam Safwan dengan Islam isterinya ialah sekitar sebulan.”<sup>10</sup> Menurut Ibn Shihab lagi: “Tidak ada berita yang sampai kepada kami, yang perempuan yang berhijrah kepada Allah dan RasulNya, tetapi suaminya tidak memeluk Islam dan terus menetap di negara kafir melainkan hijrah yang dilakukan oleh perempuan itu memisahkannya dengan suaminya, kecuali suaminya berhijrah kepada Allah dan RasulNya sebelum isterinya habis iddah.”<sup>11</sup>
- c. Imam Mālik meriwayatkan daripada Ibn Shihāb, Ummu Hakīm binti al-Hārith bin Hishām iaitu isteri kepada ‘Ikrimah bin Abī Jahal memeluk Islam pada masa pembukaan Kota Mekah. Suaminya ‘Ikrimah melarikan diri ke Yaman. Ummu Hakīm bergegas menuruti suaminya itu daripada belakang sehingga sampai ke negara Yaman dan memujuk beliau supaya memeluk Islam. ‘Ikrimah memeluk Islam dan kemudian kembali ke kota Mekah dan membela Rasulullah S.A.W. Kedua pasangan ini kekal dengan perkahwinan mereka sebelum itu.<sup>12</sup>

<sup>9</sup> Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit*, j. 6, h. 616.

<sup>10</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad Ali (1995), *Nayl al-Awtār*, j. 6. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hh. 10-171.

<sup>11</sup> Abd al-Karīm Zaydān (1993). *op.cit*, j. 9, hh. 93-95.

<sup>12</sup> Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit*, j. 6, h. 616.

## KUPASAN MENGENAI PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA SALAH SEORANG PASANGAN MEMELOUK ISLAM OLEH AL-QARAḌĀWĪ

Pada asalnya al-Qaraḍāwī memfatwakan perlu dipisahkan di antara perempuan yang memeluk Islam tetapi suaminya tidak memeluk Islam, pada masa itu juga atau selepas habis iddah, kerana Islam memisahkan di antara mereka berdua dan tidak mungkin seorang perempuan Islam kekal menjadi isteri kepada lelaki bukan Islam. Sebagaimana tidak harus pada awal-awal lagi kepada seseorang perempuan Islam berkahwin dengan lelaki bukan Islam, begitu juga tidak harus kepadanya terus kekal menjadi isteri kepada suaminya yang tidak memeluk Islam. Ini merupakan pendapat yang terkenal dan mashyur dipegang oleh umat Islam secara umum dan ulama secara khusus.<sup>13</sup>

Walau bagaimanapun selepas berlalu satu waktu, beliau mula tertarik dengan pendapat Ibn Qayyīm al-Jawziyyah setelah membaca ulasan yang dibuat oleh beliau berhubung dengan isu tersebut dalam *Ahkām Ahl al-Dhimmah*. Dalam perbahasannya Ibn Qayyīm al-Jawziyyah memberarkan 9 pendapat ulama dan memilih pendapat yang keenam dan pilihan tersebut juga merupakan pilihan gurunya Ibn Taymiyyah.<sup>14</sup> Pendapat-pendapat tersebut ialah:

### 1. Terbubar Perkahwinan Sebaik Sahaja Isteri Memeluk Islam

Pandangan ini dipegang oleh segolongan ulama tanpa mengira samada perempuan yang memeluk Islam itu dari kalangan ahli kitab atau bukan dari kalangan ahli kitab dan tanpa mengira samada suaminya memeluk Islam tidak beberapa lama atau melibatkan masa yang lama selepas itu. Tidak ada ruang kepada suami untuk menguasai isterinya kecuali kalau keduanya memeluk Islam bersama-sama dalam satu masa. Kalau suami memeluk Islam sebelum daripada isteri, terbubarlah perkahwinan pada saat suami memeluk Islam itu sekalipun isterinya memeluk Islam tidak berapa lama selepas itu. Antara yang berpegang dengan pendapat ini ialah segolongan ulama tabi'in, segolongan ulama Zāhirī, Abū Muḥammad bin Ḥazm berdasarkan riwayat daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, Jābir bin ‘Abd Allāh, ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, Ḥammād bin Zayd, al-Hakam bin ‘Uyaynah, Sa‘īd bin Jubīr, ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz, al-Ḥasan al-Basrī, ‘Ad bin Adi dan al-Sha‘bī.<sup>15</sup>

<sup>13</sup> Al-Qaraḍāwī (2002), *op.cit*, j. 3, hh. 605-606.

<sup>14</sup> *Ibid*, h. 606.

<sup>15</sup> Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, Shams al-Din Abu ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abū Bakr (2002), *Ahkām Ahl al-Dhimmah*, j. 1. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 236.

## 2. Terbubar Perkahwinan Jika Suami Enggan Memeluk Islam

Abū Hanīfah berpendapat mana-mana dari kalangan pasangan suami isteri yang memeluk Islam sebelum daripada pasangannya dalam negara Islam, pasangannya hendaklah ditawarkan supaya memeluk Islam. Jika pasangan itu memeluk Islam, perkahwinan mereka kekal sebagaimana asal tetapi jika pasangan terlibat enggan memeluk Islam, berlaku pembubaran perkahwinan mereka pada masa itu juga dan tidak perlu diraikan iddah.<sup>16</sup> Pendapat ini dipegang oleh ‘Abd al-Karīm Zaydān salah seorang tokoh ulama besar Iraq masa kini. Bagi beliau penyegeraan pembubaran perkahwinan dengan sebab salah seorang daripada pasangan suami isteri memeluk Islam, tidak sabit daripada Rasulullah S.A.W sebagaimana pengambilkiraan iddah untuk membubarkan perkahwinan, jika suami tidak memeluk Islam dalam tempoh tersebut, tidak mempunyai dalil yang kukuh yang boleh dipegang. Kerana itu tidak ada cara melainkan dengan menawarkan Islam kepada suami. Jika suami memeluk Islam, perkahwinan mereka kekal sebagaimana sebelumnya dan jika suami enggan berbuat demikian, perkahwinan mereka dibubarkan, kerana tidak harus sama sekali kepada seseorang wanita Islam terus kekal dengan suami yang tidak Islam. Pada zahirnya penawaran Islam kepada suami yang tidak memeluk Islam tidak mempunyai tempoh tertentu sebaliknya bergantung kepada budi bicara hakim Mahkamah setelah isteri membuat aduan kepadanya. Perkahwinan mereka kekal sebagaimana sebelumnya sehingga dipisahkan oleh mahkamah.<sup>17</sup>

## 3. Terbubar Perkahwinan Apabila Habis Iddah Isteri Yang Telah Disetubuhi

Imam Mālik berpendapat jika isteri memeluk Islam tetapi suami tidak berbuat demikian dan peristiwa tersebut berlaku sebelum isteri disetubuhi oleh suaminya, berlakulah pembubaran perkahwinan pada masa itu juga, tetapi jika telah disetubuhi dan suami pula memeluk Islam pada masa iddah masih berjalan, perkahwinan mereka kekal sebagaimana sebelumnya. Jika suami tidak memeluk Islam sehingga habis iddah, perkahwinannya terbubar secara *talāq bā'in*. Jika suami yang memeluk Islam tetapi isteri tidak berbuat demikian, Islam hendaklah ditawarkan kepada isteri. Jika isteri memeluk Islam, perkahwinan mereka kekal sebagaimana sedia kala, tetapi jika isteri enggan memeluk Islam, perkahwinan mereka terbubar pada masa isteri enggan memeluk Islam itu juga tanpa mengira samada belum disetubuhi ataupun telah disetubuhi.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1988), *Aḥkām al-Dhimmīyyīn Wa al-Musta'manīn Fī Dār al-Islām*, ed. 2. Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, hh. 337-338.

4. Terbubar Perkahwinan Jika Isteri Memeluk Islam Sebelum Daripada Suami

Ibn Shabramah berpendapat jika isteri memeluk Islam sebelum daripada suami, terbubar perkahwinanya pada masa itu juga, tetapi jika suami yang memeluk Islam sebelum daripada isteri dan isteri memeluk Islam semasa dalam iddah, perkahwinan mereka kekal sebagaimana sebelumnya. Jika isteri tidak memeluk Islam sehingga berakhir iddah, terbubarlah perkahwinan mereka.

5. Terbubar Perkahwinan Apabila Isteri Habis Iddah Tetapi Tidak Memeluk Islam

Al-Awza‘ī, al-Zuhrī, al-Layth, Ahmad, al-Shāfi‘ī dan Ishāq berpendapat jika salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam, sebelum berlaku persetubuhan, terbubarlah perkahwinan mereka pada masa itu juga. Jika setelah berlaku persetubuhan kemudian pasangannya memeluk Islam semasa iddah, perkahwinan mereka kekal sebagaimana sebelumnya. Tetapi jika telah habis iddah, pasangannya tidak juga memeluk Islam, terbubarlah perkahwinan mereka.

6. Isteri Hendaklah Menunggu Sehingga Melibatkan Masa Beberapa Tahun, Jika Memilih Untuk Berbuat Demikian

Hammād bin Salamah meriwayatkan daripada Ayyūb al-Sakhtiyānī dan Qatādah. Kedua tokoh ini meriwayatkan daripada Muḥammad bin Sīrīn daripada ‘Abd Allah bin Yazīd al-Khaṭmī seorang perempuan Nasrani memeluk Islam pada zaman pemerintahan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb. ‘Umar memberi pilihan kepada beliau samada ingin terus kekal bersama dengan suaminya (maksud kekal di sini ialah isteri perlu menunggu suaminya memeluk Islam. Apabila suaminya memeluk Islam, dia kekal menjadi isteri kepada suaminya itu sekalipun penungguan tersebut melibatkan masa beberapa tahun) atau berpisah dengan suaminya itu.<sup>18</sup>

7. Suami Lebih Berhak Ke Atas Isteri Selagi Mana Isteri Masih Belum Keluar Dari Kotanya

Hammād bin Salamah melaporkan daripada Qatādah daripada Sa‘īd bin al-Musayyab, Ali bin Abī Ṭalib r.a pernah menyatakan kepada satu pasangan suami isteri yang mana salah seorang daripadanya memeluk Islam: “Suaminya lebih berhak ke atas kehormatan dirinya selagi mana beliau (perempuan itu) berada dalam negaranya.” Sufyān bin Uyaynah melaporkan daripada Muṭarrif bin Ṭārif daripada al-Sha‘bī, juga dengan nada yang sama. Ali berkata: “Suami perempuan itu lebih berhak ke atas dirinya selagi beliau (perempuan itu) belum keluar daripada kotanya.”

<sup>18</sup> Ibn Qayyīm al-Jawziyyah (2002), *op.cit*, h. 237.

8. Suami Isteri Kekal Dengan Perkahwinan Mereka Selagi Dipisahkan Oleh Mahkamah

Ibn Abī Shaybah melaporkan katanya, Mu‘tamir bin Sulayman menceritakan kepada kami daripada Mu‘ammar daripada al-Zuhri: “Jika isteri memeluk Islam tetapi suami tidak berbuat demikian, perkahwinan mereka kekal selagi mana tidak dipisahkan oleh mahkamah.”

9. Isteri Terus Kekal Di Samping Suami Tetapi Dihalang Daripada Menyetubuhinya

Dāwūd bin Ali melaporkan: “Apabila isteri seorang bukan Islam *dhimmi*<sup>19</sup> memeluk Islam tetapi suaminya tidak berbuat demikian, isteri kekal di samping suaminya tetapi ditegah daripada menyetubuh isterinya itu.” Kata Shu‘bah: “Hammād bin Abī Sulayman menceritakan kepada kami daripada Ibrāhīm al-Nakha‘ī tentang perempuan bukan Islam *dhimmi* yang memeluk Islam tetapi suaminya tidak berbuat demikian.” Jawab beliau: “Terus kekal di samping suaminya.” Inilah juga yang difatwakan oleh Hammād bin Abū Sulayman.<sup>20</sup>

Ibn Qayyīm memilih pendapat yang keenam dan menganggap pendapat tersebut sebagai paling sahih. Antara hujah yang dikemukakan ialah:

- a. Pendapat ulama yang menyatakan berlaku pembubaran perkahwinan sebaik sahaja salah seorang pasangan memeluk Islam, tidak pernah dinyatakan oleh mana-mana sahabat. Riwayat yang dikemukakan oleh Abū Muḥammad bin Ḥazm daripada Umar, Jābir dan Ibn ‘Abbās, adalah berdasarkan kepada kefahaman beliau daripada *athar-athar* yang diriwayatkan daripada mereka secara umum. Misalnya *athar* yang dilaporkan oleh Shu‘bah yang dilaporkan kepada beliau oleh Abū Ishāq al-Shaybānī. Katanya: “Saya mendengar Yazīd bin ‘Alqamah melaporkan datuk dan neneknya beragama kristian. Neneknya memeluk Islam lalu Umar memisahkan mereka berdua.” *Athar* ini walaupun bagaimanapun tidak mengandungi dalil yang membuktikan pembubaran perkahwinan berlaku sebaik sahaja salah seorang pasangan memeluk Islam. Kemungkinan datuknya tidak menyetubuh neneknya atau kemungkinan khalifah Umar memisahkannya setelah neneknya habis iddah atau neneknya sendiri memilih untuk membubarkan perkahwinannya tanpa menunggu suaminya memeluk Islam terlebih dahulu atau kemungkinan inilah mazhab ulama yang berpendapat perkahwinan kekal sehingga mahkamah membubarkannya.

<sup>19</sup> Bukan Islam *dhimmi* ialah bulan Islam yang memberikan ketaatan kepada pemerintah atau kerajaan Islam atau lebih dikenali sekarang ini dengan nama Negara Islam yang tidak beragama Islam.

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 238.

- b. Ibn Abī Shaybah meriwayatkan daripada ‘Ubbād bin al-Awām daripada Abu Ishāq al-Shaybānī daripada Yazīd bin Alwamah, ‘Ubādah bin al-Nu‘man al-Tha‘labi berkahwin dengan seorang perempuan dari kalangan *Banī Tamīm*. Perempuan itu memeluk Islam. Umar berkata kepada ‘Ubādah: “Sama ada anda memeluk Islam atau kami akan mengambil isteri anda itu daripada anda.” ‘Ubādah enggan memeluk Islam, lalu ‘Umar merampas isterinya daripada beliau. Peristiwa ini menjadi hujah kepada golongan ulama yang berpendapat perlu ditawarkan Islam kepada pasangan yang tidak memeluk Islam. Apabila pasangan tersebut enggan memeluk Islam, hendaklah dipisahkan di antara mereka berdua. *Athar* daripada Amir al-Mukminin ini tidak ada pertentangan. Harus kepada ketua negara menyegerakan pemisahan di antara suami isteri dan harus juga kepada ketua negara menawarkan Islam kepada pasangan yang tidak memeluk Islam, sebagaimana harus kepadanya mengekalkan pasangannya sehingga habis iddah. Harus kepada isteri menunggu suaminya memeluk Islam sekalipun melibatkan masa selama beberapa tahun.
- c. Sabit daripada Nabi S.A.W, baginda mengembalikan semula Zainab anak perempuannya kepangkuan Abū al-‘Ās setelah berlalu enam tahun dan tidak berlaku sebarang akad nikah yang baru, sebagaimana yang dilaporkan oleh ‘Ikrimah daripada Ibn ‘Abbās. Menurut Ibn Taymiyyah inilah yang sabit di kalangan pakar-pakar tentang ilmu hadis. Sebaliknya keterangan yang menyatakan baginda mengembalikan semula Zainab kepangkuan suaminya dengan akad nikah yang baru, adalah lemah. Malah Ummu al-Fadl isteri kepada al-‘Abbās memeluk Islam sebelum daripada al-‘Abbās dalam tempoh yang lama. Begitu juga sekumpulan pemimpin Quraisy seperti Ṣafwān bin Umayyah, ‘Ikrimah bin Abū Jahal dan lain-lain yang memeluk Islam di sekitar dua atau tiga bulan selepas pembukaan kota Mekah atau lebih daripada itu. Namun Nabi S.A.W tidak menyebut soal pembubaran perkahwinan baik sebelum berakhir iddah mahupun selepasnya. Ali bin Abī Ṭālib memfatwakan isteri dipulangkan kepada suami masing-masing sekalipun telah berlalu masa yang agak lama, selepas isteri tersebut memeluk Islam.<sup>21</sup>
- d. Ibn Taymiyyah menjelaskan pendapat yang menyatakan semata-mata salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam, berlaku pembubaran terhadap perkahwinan mereka baik sebelum berlaku persetubuhan mahupun selepasnya, merupakan pendapat yang sangat lemah, malah bercanggah dengan riwayat yang diperolehi secara mutawatir dalam syariah Islam. Sudah maklum diketahui orang-orang Islam yang memeluk

<sup>21</sup> *Ibid*, hh. 239-240.

Islam berlumba-lumba melafazkan kalimah syahadah. Kadang-kadang suami memeluk Islam tetapi isteri masih tidak memeluk Islam dalam satu tempoh kemudian memeluk Islam selepas itu, sebagaimana ramai dari kalangan wanita Quraysy dan bukan Quraysy yang memeluk Islam sebelum suami-suami mereka berbuat demikian. Diriwayatkan Ummu Sulaym memeluk Islam mendahului suaminya Abū Talhah. Kadang-kadang berlaku suami memeluk Islam mendahului isteri dan dalam tempoh yang tidak lama atau lama selepas itu, baru isteri memeluk Islam. Kalau ada pihak yang mengatakan ini berlaku sebelum pengharaman perkahwinan dengan orang-orang musyrik, untuk menjawabnya suka dinyatakan pertama: Dakwaan ia diharam dan dimansuhkan memerlukan kepada dalil, sedangkan tidak ada dalil yang membuktikan larangan berbuat demikian. Kedua Orang ramai berbondong-bondong memeluk Islam selepas turun ayat pengharaman berkahwin dengan orang-orang musyrik dan ayat yang melarang orang-orang Islam hidup dengan pasangan mereka yang tidak beriman sebagai suami isteri. Misalnya perwakilan daripada Tā'if pernah menemui Rasulullah dan mengisyiharkan Islam, padahal isteri mereka masih berada di kampung halaman dan belum Islam. Apabila perwakilan tersebut pulang, barulah isteri-isteri mereka memeluk Islam. Sesiapa yang mengatakan semata-mata salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam berlaku pembubaran perkahwinan baik sebelum berlaku persetubuhan mahupun selepasnya, pendapatnya tertolak, kerana Rasulullah S.A.W sendiri tidak pernah bertanya seorangpun dari kalangan orang yang memeluk Islam: Adakah anda telah menyetubuhi isteri anda atau belum? Bahkan lelaki yang memeluk Islam dan kemudian isterinya memeluk Islam selepas itu, kekal menjadi isteri kepada lelaki tersebut tanpa sebarang akad nikah yang baru. Rasulullah S.A.W pernah menghantar Ali, Mu'āz dan Abū Mūsā ke Yaman dan ramai dari kalangan penduduk Yaman, baik lelaki maupun wanita sehingga tidak terhitung jumlahnya, memeluk Islam di tangan mereka. Sebagaimana yang dimaklumi kaum lelaki di Yaman mendahului isteri-isteri mereka dalam memeluk Islam dan kemudian barulah diikuti oleh isteri-isteri mereka. Sahabat-sahabat yang dihantar oleh Rasulullah S.A.W itu tidak pernah berkata kepada yang memeluk Islam: Anda hendaklah melafazkan kalimah syahadah serentak dengan isteri anda, agar perkahwinan mereka tidak terbubar. Mereka juga tidak membezakan di antara yang telah melakukan persetubuhan dengan yang belum melakukan persetubuhan, malah mereka juga tidak pernah menetapkan tempoh selama tiga kali suci untuk isteri mereka kemudian berlaku pembubaran perkahwinan mereka.<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, hh. 251-252.

Menurut al-Qaraḍāwī, walaupun Ibn Qayyīm berjanji untuk menganalisa ke semua pendapat yang dikemukakannya, dari segi kekuatan dan kelemahan dalil yang menjadi pegangan, namun beliau lebih banyak menumpukan kepada pandangan yang keenam, yang juga merupakan pandangan gurunya Ibn Taymiyyah iaitu isteri yang memeluk Islam hendaklah terus berada di samping suaminya dan menunggu suaminya itu memeluk Islam tetapi tidak boleh membiarkan dirinya disetubuhi oleh suaminya walaupun melibatkan masa beberapa tahun. Pandangan yang menjadi pilihan Ibn Qayyīm ini tidak dinafikan mempunyai pertimbangan dan dalilnya tersendiri, namun menimbulkan permasalahan lain iaitu bolehkah kedua pasangan suami isteri itu hidup sebumbung dalam tempoh masa yang lama tanpa mendekati antara satu sama lain, lebih-lebih lagi yang masih muda?<sup>23</sup>

Adalah lebih baik kiranya Ibn Qayyīm membentangkan pandangan Ali k.r.m yang berpendapat perempuan itu lebih berhak ke atas kehormatan dirinya selagi mana tidak keluar daripada kotanya. Oleh kerana Ali pernah diutuskan oleh Rasulullah S.A.W ke negara Yaman pada masa hayat baginda dan memegang teraju khalifah selepas kewafatan Uthman r.a, tidak dapat tidak beliau sendiri telah mempunyai pengalaman dalam menghadapi kes salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam dan yang seorang lagi tidak berbuat demikian. Hukuman yang dijatuhkan beliau dalam isu tersebut mengandungi makna fatwa dan kehakiman sekaligus.<sup>24</sup> Dalam firman Allah S.W.T:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحْلُونَ هُنَّ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka: Allah lebih mengetahui akan iman mereka: dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri), dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami)....”*

(Surah al-Mumtaḥanah, 60:10)

<sup>23</sup> Al-Qaraḍāwī (2002), *op.cit*, j. 3, h. 619.

<sup>24</sup> *Ibid.*

Orang-orang Islam tidak dituntut memulangkan kembali orang-orang perempuan yang beriman yang berhijrah ke Madinah ke pangkuan suami mereka di Mekah, kerana dengan berbuat demikian akan mendedahkan agama yang menjadi pegangan mereka kepada fitnah. Tetapi jika isteri terlibat terus berada di rumah suaminya dan tidak berpindah ke negara Islam, dia kekal menjadi isteri kepada suaminya itu. Seolah-olah inilah yang menjadi sandaran Ali k.r.m.

Pendapat Ali di atas adalah kuat dan kukuh dan sesuai dengan keperluan wanita yang baru memeluk Islam yang terus kekal bersama dengan suami-suami mereka di negara bukan Islam, lebih-lebih lagi kalau mereka mengharapkan suami-suami mereka juga memeluk Islam dan mempunyai anak-anak yang dibimbangi akan berpecah belah dan terbiar begitu sahaja.<sup>25</sup>

Hujah yang digunakan oleh Ibn Qayyīm dan gurunya Ibn Taymiyyah pada zahirnya tidak berpihak kepada mereka. Misalnya riwayat yang dikemukakan oleh ‘Abd Allah bin Yazīd al-Khatmī, yang menjelaskan seorang perempuan Nasrani memeluk Islam tetapi suaminya tidak berbuat demikian. Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb telah memberi pilihan kepada beliau samada berpisah dengan suaminya atau kekal dengan suaminya itu. Riwayat ini membuktikan khalifah Umar mengharuskan kepada perempuan terlibat kekal dengan suaminya dan zahirnya menunjukkan harus kepada suami menggauli isterinya, kerana itu perkara yang biasa berlaku apabila isteri memilih untuk kekal dengan suaminya. Tetapi Ibn Qayyīm mentakwilkan maksud athar di atas dengan menyatakan bukan maksud tinggal terus dengan suami bermakna menetap dalam rumah suami, dalam keadaan suami masih Nasrani, sebaliknya hendaklah menunggu sehingga suami memeluk Islam. Seandainya seseorang mujtahid berpegang dengan zahir kata-kata ‘Umar di atas, tidak menjadi apa-apa kesalahan.<sup>26</sup>

Riwayat di atas telah disokong dengan riwayat lain, juga daripada Umar r.a yang mengandungi perakuan ‘Umar kepada seseorang perempuan yang memeluk Islam untuk terus kekal berada dalam pangkuan suaminya. Antara yang menyokongnya juga riwayat yang dikemukakan daripada al-Zuhrī yang melaporkan jika isteri memeluk Islam tetapi suami tidak berbuat demikian, keduanya kekal dengan perkahwinan mereka, selagi tidak dipisahkan oleh mahkamah.

Ini memberi kemudahan yang besar kepada perempuan-perempuan yang baru memeluk Islam sekalipun menimbulkan kegelisahan kepada kebanyakan ulama kerana bercanggah dengan pendapat yang biasa mereka pegang dan warisi. Namun begitu antara kaedah yang maklum diketahui ialah:

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 620.

### يغتفر في البقاء ما لا يغتفر في الإبتداء

Suatu akad perkahwinan boleh dimaafkan dari segi keberkekalan tetapi tidak boleh dimaafkan dari segi permulaannya.<sup>27</sup>

Kaedah fiqh ini begitu masyhur dan mempunyai banyak cabangnya. Ia bermaksud tidak boleh menunjukkan toleransi di peringkat permulaan tetapi boleh menunjukkan toleransi dari segi keberkekalan dan penyudahannya. Kaedah ini membezakan di antara permulaan dan penyudahan kepada sesuatu akad perkahwinan. Untuk lebih mudah difahami orang-orang Islam dilarang di peringkat awal lagi dari mengahwinkan perempuan Islam dengan lelaki yang tidak beriman,<sup>28</sup> sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T:

وَلَا تُنِكِّحُوا الْمُشْرِكَيْنَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوْا وَلَا مِنْ مُؤْمِنَةٍ حَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكَةٍ وَلَوْ  
أَعْجَبْتُكُمْ وَلَا تُنِكِّحُوا الْمُشْرِكَيْنَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوْا وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ حَيْرٌ مِّنْ  
مُشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُكُمْ أُولَئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُوْا إِلَى الْجَنَّةِ  
وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ وَبُشِّرُوا بِآيَتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

“Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).”

(Surah al-Baqarah, 2:221)

<sup>27</sup> Ahmad bin Muhammed al-Zarqā' (1998), *Sharah al-Qawā'i id al-Fiqhiyyah*, ed. 5. Dimashq: Dār al-Qalam, h. 293.

<sup>28</sup> Al-Qaraḍāwī (2002), *op.cit*, j. 3, h. 619.

Perkara ini sama sekali tidak boleh dipandang ringan. Walau bagaimanapun jika seseorang perempuan bukan Islam yang telahpun berkahwin, memeluk agama Islam dan dihukumkan ke atas dirinya segala syariat Islam, kedudukan beliau berbeza sama sekali dari sudut keberkekalan perkahwinannya dengan suami yang masih belum beriman, berbanding dengan mengahwinkan perempuan Islam dengan lelaki yang tidak beriman, yang dilarang sama sekali dari awal-awal lagi.

Menurut al-Qaraḍāwī, ada tiga pendapat ulama yang boleh diambil kira yang memungkinkan ulama yang mengeluarkan fatwa berpegang dengannya dalam menangani isu yang sedang kita perkatakan ini, yang banyak menghalang ramai dari kalangan perempuan-perempuan bukan Islam memeluk agama Islam.

### 1. Pendapat Sayyiduna Ali k.r.m

Sayyiduna Ali k.r.m berpendapat suami perempuan yang memeluk Islam lebih berhak ke atas dirinya selagi mana perempuan itu belum keluar daripada kotanya. Di sini kita dapati perempuan terlibat masih berada di tanah air dan bandarnya dan belum lagi berpindah ke negara Islam dan juga negara-negara lain. Pendapat ini memang sabit daripada beliau dan tidak diperselisihkan oleh ulama dan dipersetujui oleh dua orang tokoh imam *tabi'in* iaitu al-Sha'bī dan Ibrāhīm al-Nakha'i.

### 2. Pendapat Sayyiduna Umar r.a

Diriwayatkan Sayyiduna Umar r.a pernah memberi pilihan kepada sebahagian perempuan yang memeluk Islam pada zamannya tetapi suami mereka tidak berbuat demikian, samada terus kekal dengan suami masing-masing ataupun berpisah sahaja dengan mereka. Riwayat ini diperolehi lebih daripada satu sumber dan tidak ada yang mencanggahinya kecuali satu riwayat sahaja, namun riwayat yang mencanggahinya ini masih mengandungi kesamaran. Kita boleh memilih riwayat yang lebih banyak dilaporkan berkaitan dengan tindakan Umar r.a di atas atau mahkamah boleh memberi pilihan kepada perempuan tadi untuk terus kekal atau berpisah dengan suami atau mahkamah sendiri memainkan peranan memisahkan pasangan terlibat, selaras dengan maslahah dan maslahah ini kadang-kadang berbeza di antara satu situasi dengan satu situasi yang lain.<sup>29</sup> Berdasarkan riwayat ini, al-Qaraḍāwī berpendapat harus kepada isteri terus tinggal dengan suaminya dan apabila harus kepada isteri berbuat demikian, bermakna harus jugalah kepada suami menggauli isterinya itu, kerana itu merupakan perkara biasa yang berlaku apabila isteri terus

---

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 621.

tinggal bersama dengan suaminya dan beliau tidak melihat ia merupakan suatu kesalahan,<sup>30</sup> malah dimaafkan, berdasarkan kaedah *fiqh* yang menjelaskan dimaafkan sesuatu perkara dalam bentuk keberkekalannya tetapi tidak dimaafkan dalam bentuk permulaannya, sebagaimana yang dinyatakan di atas.

### 3. Pendapat al-Zuhrī

Al-Zuhrī berpendapat pasangan terlibat terus kekal dengan perkahwinan mereka selagi tidak dipisahkan oleh mahkamah iaitu selagi belum terdapat arahan atau hukuman daripada mahkamah yang memerintahkan pasangan telibat perlu berpisah.<sup>31</sup> Sebahagian besar pandangan di atas mewakili pandangan sahabat Rasulullah S.A.W dan pandangan para sahabat Rasulullah S.A.W ini, menurut sebahagian ulama tidak harus dipakai dalam mengeluarkan fatwa, kerana kebanyakan riwayat yang bersumber daripada mereka berbentuk umum dan tidak bersifat terperinci.<sup>32</sup>

Walau bagaimanapun al-Qarađāwī menolak tanggapan ini dengan mengemukakan pandangan Ibn Qayyīm al-Jawziyyah dalam *I'lām al-Muwaqqi'iñ*, yang menjelaskan berpegang dengan *athar-athar* salaf dan fatwa-fatwa para sahabat lebih utama berbanding dengan berpegang dengan pendapat-pendapat dan fatwa-fatwa ulama yang datang kemudian, kerana *athar-athar* salaf dan fatwa-fatwa para sahabat lebih hampir kepada pendapat yang benar, memandangkan zaman para sahabat masih dekat dengan zaman Rasulullah S.A.W. Fatwa-fatwa para sahabat lebih utama dipegang berbanding dengan fatwa-fatwa *tābi'iñ*, manakala fatwa-fawa *tābi'iñ* lebih utama dipegang berbanding dengan fatwa-fatwa *tābi' tābi'iñ* dan seterusnya. Setiap kali zaman lebih hampir dengan zaman Rasulullah S.A.W, pendapat yang benar lebih *ghalib*. Pandangan ini berdasarkan kepada jenis dan tidak berdasarkan kepada setiap masalah yang dihadapi oleh setiap orang. Tokoh-tokoh yang diberi keutamaan di kalangan generasi terdahulu, lebih ramai berbanding dengan tokoh-tokoh yang diberi keutamaan di kalangan generasi kemudian. Pandangan-pandangan yang benar dan tepat di kalangan mereka, lebih banyak berbanding dengan pendapat yang betul di kalangan tokoh-tokoh yang datang selepas daripada mereka. Perbezaan di antara ilmu tokoh-tokoh terdahulu dengan ilmu tokoh-tokoh kemudian tidak ubah begaikan perbezaan dari segi kelebihan dan agama. Tidak wajar kepada mufti atau hakim mengeluarkan fatwa dan menjatuhkan hukuman berdasarkan pandangan si pulan bin si pulan

<sup>30</sup> *Ibid*, h. 620.

<sup>31</sup> *Ibid*, h. 621.

<sup>32</sup> *Ibid*.

dari kalangan tokoh kemudian yang bertaklid kepada imam-imam mazhab, berpegang dengan pendapat dan pilihannya dan meninggalkan fatwa dan hukum berdasarkan kepada pandangan al-Bukhārī, Ishāq bin Rahawayh, Ali bin al-Madīnī, Muḥammad bin Naṣr al-Marwāzī dan tokoh-tokoh yang seumpama mereka.<sup>33</sup>

## KESIMPULAN

Dalam isu pembubaran perkahwinan kerana salah seorang pasangan memeluk Islam, al-Qaraḍāwī mengambil pendekatan yang lebih memudahkan umat Islam dan mengelakkan kesukaran daripada mereka, selagi tidak mencecah tahap dosa. Pada peringkat awal beliau berpendapat sama dengan pendapat ulama mazhab al-Shāfi‘ī dan yang sealiran dengan mereka iaitu mana-mana perempuan yang memeluk Islam tetapi suaminya tidak memeluk Islam, hendaklah dipisahkan antara mereka berdua pada masa itu juga atau selepas habis iddah, kerana pembubaran perkahwinan mereka berlaku pada masa itu juga. Tidak mungkin seorang perempuan Islam kekal menjadi isteri kepada lelaki bukan Islam.

Namun setelah berlaku perubahan masa, beliau merubah semula fatwanya setelah melihat perbahasan yang dilakukan oleh Ibn Qayyīm dalam karyanya *Aḥkām Ahl al-Dhimmah* dan lebih cenderung kepada tiga pandangan ulama sahabat iaitu Ali, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dan al-Zuhrī, memandangkan dalil-dalil yang mereka kemukakan lebih kuat.

Pendapat Sayyiduna Ali k.r.m ialah suami perempuan yang memeluk Islam itu lebih berhak ke atas dirinya selagi mana perempuan itu belum keluar daripada kotanya. Pendapat di atas memang sabit daripada beliau dan tidak diperselisihkan oleh ulama dan dipersetujui oleh dua orang tokoh imam *tabi‘in* iaitu al-Sha‘bī dan Ibrāhīm al-Nakha‘ī.

Pendapat Sayyiduna ‘Umar r.a ialah memberi pilihan kepada sebahagian perempuan yang memeluk Islam pada zamannya tetapi suami mereka tidak berbuat demikian, sama ada terus kekal dengan suami masing-masing ataupun berpisah dengan mereka. Riwayat ini diperolehi lebih daripada satu sumber dan tidak ada yang mencanggahinya kecuali satu riwayat sahaja, namun riwayat tersebut masih mengandungi kesamaran. Dalam riwayat ‘Umar r.a ini jika isteri memilih untuk terus tinggal bersama dengan suami sementara menunggu

<sup>33</sup> Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, Abu Bakar (t.t), *I'lām al-Muwaqqi 'īn*, j. 4. Miṣr: Dār al-Hadīth, hh. 5-96.

mahkamah membubarkan perkahwinan mereka, suami boleh menggaulinya sebagaimana biasa dan pergaulan ini dimaafkan.

Pendapat al-Zuhri iaitu pasangan terlibat terus kekal dengan perkahwinan mereka selagi tidak dipisahkan oleh mahkamah iaitu selagi belum terdapat arahan atau hukuman daripada mahkamah yang memerintahkan pasangan telibat perlu berpisah.

Pandangan tiga tokoh di atas dilihat oleh al-Qarađawī sebagai lebih memudahkan perempuan-perempuan bukan Islam yang memeluk Islam dan masih berada di negara mereka dan belum berpindah ke mana-mana negara Islam atau negara lain. Apalagi syariat Islam tegak di atas dasar memudahkan kehidupan dan urusan manusia dan bukan menyusahkan mereka. Kesukaran tidak pernah wujud dalam hukum hakamnya. Jika dunia seluruhnya memerhatikan syariah Islam, akan terserlah kepada mereka sifat memudahkan manusia yang terkandung di dalamnya dan kemampuannya meraikan keperluan manusia di setiap zaman dan tempat.<sup>34</sup> Rasulullah S.A.W bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Anas r.a:

يسروا ولا تعسروا وبشروا ولا تنفروا

*“Permudahkankah dan jangan memayahkan dan gembirakanlah dan jangan malarikan orang daripada Islam.”<sup>35</sup>*

Dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan menerusi A’isyah r.a.

ما خير رسول الله صلى الله عليه و سلم بين أمرین إلا أخذ أیسر هما مل  
يکن إثنا فیإن کان إثنا کان أبعد الناس منه

*“Rasulullah S.A.W tidak diberi pilihan di antara dua perkara melainkan baginda memilih yang lebih memudahkan, selagi mana tidak mendatangkan dosa. Sekiranya mendatangkan dosa, baginda adalah orang yang paling jauh daripadanya.”<sup>36</sup>*

Al-Qarađawī berpendapat mengambil pendekatan yang memudahkan orang ramai pada zaman ini lebih sesuai dilakukan kerana terlalu banyak kerosakan berlaku dalam masyarakat, muncul perkara-perkara yang mendorong manusia melakukan perkara-perkara yang hina dan jauh daripada akhlak yang terpuji.

<sup>34</sup> Mas‘ūd Sabri (2007), *al-Iftā’ ‘Inda al-Shaykh al-Qarađawī al-Manhaj Wa al-Taṭbīq*. Multaqā al-Imām al-Qarađawī Ma’ā al-Aṣḥāb Wa al-Talāmīz. Doha: Funduq Rizdest Carlton, h. 166.

<sup>35</sup> Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘il (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-‘Ilm” hadis no 69, j.1. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 30.

<sup>36</sup> *Ibid.*, “Kitāb al-Manāqib”, hadis no. 3560, j. 4, h. 201.

Tambahan pula dalam syariat Islam, keadaan yang sukar mengundang kemudahan dan apabila sesuatu perkara itu berada dalam kesempitan, timbul keluasan, malah keadaan darurat mengharuskan melakukan perkara yang haram dan perkara hajat mengambil tempat *darurah* baik yang khusus mahupun yang umum.<sup>37</sup>

Selain daripada itu fatwa-fatwa sahabat boleh dijadikan hujah dan berpegang dengan *athar-athar* salaf dan fatwa-fatwa para sahabat, lebih utama berbanding dengan berpegang dengan pendapat-pendapat dan fatwa-fatwa ulama yang datang kemudian daripada mereka, kerana *athar-athar* salaf dan fatwa-fatwa para sahabat lebih hampir kepada pendapat yang benar, memandangkan zaman para sahabat itu sendiri yang masih dekat dengan zaman Rasulullah S.A.W.

Selain daripada itu juga pendapat ulama yang menyatakan semata-mata salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam, berlaku pembubaran ke atas perkahwinannya baik sebelum berlaku persetubuhan mahupun selepasnya, merupakan pendapat yang sangat lemah. Malah bercanggah dengan riwayat yang diperolehi secara *mutawatir* dalam syariah Islam.

Walau kupasan al-Qarađāwī tentang isu pembubaran perkahwinan kerana salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam, tidak berpihak kepada mazhab al-Shāfi'i yang diamalkan di negara kita, namun tidak menjadi kesalahan kepada pihak berkuasa di negara kita mengkaji dan meneliti kupasan beliau ini dan seterusnya mempertimbangkan untuk menerima pakai pandangan beliau jika benar-benar didapati mendatangkan maslahah kepada wanita bukan Islam yang baru memeluk Islam di negara kita demi menghapuskan dilema wanita yang baru memeluk Islam tentang kedudukan perkahwinan mereka sama ada terbubar serta merta atau memerlukan mahkamah membubarkan perkahwinan mereka secara rasmi. Apalagi di dalam Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam di sesetengah negeri di Malaysia ada yang mempunyai peruntukkan yang tidak berpihak kepada mazhab al-Shāfi'i, sebaliknya lebih mirip kepada pendapat al-Qarađāwī yang dibahaskan di atas. Misalnya Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu memperuntukkan antara lain:

*Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan bukan Islam memeluk agama Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.*<sup>38</sup>

<sup>37</sup> Al-Qarađāwī, Yūsuf (2005), *Fiqh al-Lahwi Wa al-Tarwīḥ*. Kaherah: Maktabah Wahbah, hh. 10-11.

<sup>38</sup> Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu, Sek. 43 (2), h. 121.

## RUJUKAN

- Abū Jayb, Sa‘di, (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan Wa Iṣṭilahān*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘il al- (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 4. Beirūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Qayyīm al-Jawziyah, Shams al-Dīn Abū Abdullāh Muḥammad bin Abū Bakar (2002), *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*, j. 1. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Qayyīm al-Jawziyah, Shams al-Dīn Abū Abdullāh Muḥammad bin Abū Bakar (t.t.), *I‘lām al-Muwaqqi‘īn*, j. 4. Miṣr: Dār al-Hadīth.
- Ibn Qudāmah, Muḥammad Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad. (t.t.). *al-Mughnī*, j. 6. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.
- Jabrī, Zayn al-Dīn bin Alī al- (t.t.), *al-Rawdah al-Bahiyyah Sharah al-Lam‘ah al-Dimashqīyyah*, j. 2. Miṣr: Maṭābi‘ Dār al-Kitāb.
- Kāsānī, Ala’ al-Dīn Abū Bakar bin Mas‘ud al- (t.t.), *Kitāb Badā‘i al-Ṣanā‘i Fī Tartīb al-Sharā‘i*, j. 2. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mas‘ūd Sabri (2007), *al-Ifta’ ‘Inda al-Shaykh al-Qaraḍāwī al-Manhaj Wa al-Taṭbīq*. Multaqā al-Imām al-Qaraḍāwī Ma‘a al-Ashāb Wa al-Talāmīz. Doha: Funduq Rizdest Carlton.
- Nadawī, Akram al- (2001), *Kifāyah al-Rāwī ‘An al-Allāmah al-Shaykh Yūsuf al-Qaraḍāwī*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Nawawī, Abu Zakariyā bin Sharaf al- (t.t.), *Majmū‘ Sharah al-Muhadhdhab*, j. 16. Dār al-Fikr.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (2005), *Fiqh al-Lahwi Wa al-Tarwīh*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (2002), *Min Hudā al-Islām, Fatāwā Mu‘āṣirah*, j. 3. Kuwayt: Dār al-Qalam.
- Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al- (t.t.), *al-Umm*, j. 5. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Sharbīnī al-Khaṭīb al- (1958), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 3. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Shawkānī, Muḥammad Ali al- (1995), *Nayl al-Awṭār*, j. 6. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Talīmah, ‘Iṣām (2000), *al-Qaraḍāwī Faqīhan*. Kaherah: Dār al-Tawzī‘ Wa al-Nashri al-Islāmiyyah.
- Zarqā‘, Aḥmad bin Muḥammad al- (1998), *Sharah al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, ed. 5. Dimashq: Dār al-Qalam.

Kupasan Mengenai Pembubaran Perkahwinan Kerana Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam Oleh al-Qaraḍāwī Dalam *Fatāwā Mu'āşirah*

Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1988), *Aḥkām al-Dhimmīyyīn Wa al-Musta'manīn Fī Dār al-Islām*, ed. 2. Beirūt: Mu'assasah al-Risālah.

Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1993), *al-Mufaṣṣal Fī Aḥkām al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Mu'slim*, j. 9, Beirūt: Mu'assasah al-Risālah.

### Statut

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 49 (1).

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu, Sek. 43 (2).

